

PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI

¹Marina Ibrahim Mukhtar, ²Rohayu Roddin dan ³Arman Hj Ahmad Sapawi

Fakulti Pendidikan Teknikal

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

marina@uthm.edu.my, rohayu@uthm.edu.my

Abstrak

Masyarakat Orang Asli adalah golongan unik yang mempunyai pelbagai fahaman dan cara hidup yang berbeza-beza berbanding masyarakat lain di Malaysia. Penguasaan di dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) akan dapat membantu mereka untuk terus bersaing dalam era globalisasi yang penuh cabaran ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dari keterbukaan keluarga, kekangan yang dihadapi dan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi membantu masyarakat kaum Orang Asli dalam bidang PTV. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah berbentuk kuantitatif manakala instrumen borang soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan manakala kaedah temubual digunakan untuk menyokong hasil dapatan kajian. Sampel yang dipilih adalah terdiri daripada tiga buah kampung Orang Asli iaitu Kampung Suak Padi, Kampung Tumbuh Hangat dan Kampung Gedung Batu yang terletak dalam daerah Perak Tengah di Negeri Perak Darul Ridzuan. Hasil daripada kajian ini menunjukkan masyarakat Orang Asli berminat untuk menceburi dan mempelajari bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional dengan lebih mendalam. Selain itu, mereka cukup menggalakkan ahli keluarga mereka untuk menceburi bidang PTV. Namun begitu, terdapat beberapa kekangan yang boleh diperbaiki bagi membantu masyarakat Orang Asli terus berjaya dalam bidang ini. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu mengambil inisiatif dari segenap aspek bagi membantu mereka untuk menceburi bidang ini dengan lebih mendalam demi kepentingan masyarakat Orang Asli dan negara.

1.0 PENGENALAN

Masyarakat kaum Orang Asli merupakan komuniti kecil di Malaysia dan adalah penduduk pribumi negara ini. Orang Asli merupakan masyarakat yang mempunyai beberapa suku kaum yang berbeza-beza. Secara rasminya masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan yang terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Suku Senoi dan Negrito pula diklasifikasikan kepada enam suku kecil. Suku Melayu Asli dipecahkan kepada tujuh suku kecil (Wijnen, 2001).

Oleh kerana terdapat pelbagai suku kaum di kalangan masyarakat kaum Orang Asli, maka terdapat banyak perbezaan dari segi cara hidup dan pertuturan bahasa yang digunakan. Kebudayaan dan adat resam mereka juga berbeza-beza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Adat resam berikut akan memperlihatkan adat resam yang diamalkan di kalangan masyarakat kaum Orang Asli secara keseluruhan (Benjons, 2006).

Pada masa kini, kehidupan manusia lebih bertumpu di bandar-bandar besar mahupun kawasan penempatan yang banyak memberikan kelesaan kepada pengguna. Namun yang demikian, fenomena tersebut masih sukar diatasi oleh segelintir penduduk di Malaysia. Menurut Wijnen (2001), salah satu contoh yang paling ketara ialah penduduk Orang Asli yang lebih gemar mendiami kawasan atau penempatan di pinggir dan di dalam hutan belantara. Ia amat berbeza dengan beberapa kaum yang turut mendiami Malaysia seperti tiga kaum utama yang terdiri dari kaum Cina, India dan Melayu. Pemikiran dan penerimaan ketiga-tiga kaum tersebut untuk menerima arus pemodenan amat pesat berkembang jika dibandingkan dengan

masyarakat Orang Asli yang lebih gemar mengamalkan amalan mahupun ajaran tradisi nenek moyang mereka.

1.1 Pernyataan Masalah

Menjangkau ke alaf baru, bidang pendidikan adalah merupakan satu agenda penting dalam kehidupan setiap individu (Ismail, 2002). Keperluan terhadap PTV di kalangan masyarakat Orang Asli penting bagi memastikan mereka dapat bersaing dalam era globalisasi bagi menikmati kehidupan yang selesa serta taraf hidup yang lebih baik. Ditambah pula pada masa kini, Malaysia memerlukan tenaga pekerja separa mahir dan mahir bagi membolehkan proses untuk membangunkan negara berjalan dengan lancar dan sempurna. Ramai belia di kalangan masyarakat Orang Asli masih lagi menganggur atau tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Taib dan Wan Kadir (1986), yang menyatakan Orang Asli hanya terlibat dengan aktiviti mengumpul hasil hutan, memburu dan mengamalkan pertanian pindah. Aktiviti tersebut masih diamalkan sehingga ke hari ini (Mohd Taib dan Wan Kadir, 1986). Sekiranya masyarakat Orang Asli turut sama berganding bahu bersama-sama dengan masyarakat lain di Malaysia, maka masalah kekurangan tenaga pekerja akan dapat diatasi. Bagi masyarakat Orang Asli, mereka telah diberikan kelonggaran di mana setiap kos pembelajaran dari segi yuran, penginapan asrama dan sebagainya adalah di bawah tanggungan JHOEA (Abdul Talib, 2003).

Justeru itu, penerapan dan penekanan terhadap PTV di kalangan masyarakat kaum Orang Asli perlu dilakukan dengan sempurna bagi memastikan tenaga muda golongan terabit tidak terbiar begitu sahaja. Pelbagai aspek seperti kemudahan yang diberikan, keterbukaan keluarga dan kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli perlu dilihat, dikaji dan ditekankan bagi memastikan hasrat tersebut tercapai.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat bagi mengkaji dan menerangkan beberapa perkara penting yang mendorong masyarakat Orang Asli menceburi bidang PTV. Di antara objektif utama kajian adalah :


- (i) Mengenalpasti kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam memberikan kemudahan bagi membantu anak-anak masyarakat Orang Asli di dalam PTV.
- (ii) Mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli bagi menceburi bidang PTV.
- (iii) Melihat perbezaan keterbukaan keluarga dari tiga buah kampung Orang Asli yang berbeza dalam Daerah Perak Tengah untuk menggalakkan anak-anak serta ahli keluarga mereka menimba ilmu dalam bidang PTV.

1.3 Hipotesis Kajian

Penyelidik telah merangka satu hipotesis null dan hipotesis alternatif. Hipotesis yang tersebut akan menjurus kepada persoalan kajian ketiga.

Hipotesis Null : Tidak terdapat perbezaan keterbukaan yang signifikan di antara keluarga dari tiga buah kampung yang berbeza dalam daerah Perak Tengah untuk menggalakkan anak-anak atau ahli keluarga mereka menceburi bidang PTV.

1.4 Kerangka Konsep



Rajah 1 : Kerangka Konsep

2.0 METODOLOGI

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kaedah tinjauan merupakan satu kaedah yang dapat mengumpul data seperti mana yang dikehendaki oleh penyelidik. Menurut Sabitha Marican (2005), strategi penyelidikan tinjauan adalah sesuai digunakan untuk mendapatkan sebanyak mana maklumat mengenai sesuatu populasi, sampel atau tinjauan yang melibatkan sekumpulan elemen yang kecil. Oleh itu, penyelidik berpendapat kaedah ini sesuai digunakan untuk memudahkan kajian ini dijalankan.

Selain daripada itu, kajian yang dilakukan oleh penyelidik adalah berbentuk kajian kuantitatif. Penyelidik akan menggunakan borang soal selidik yang akan diberikan kepada sampel kajian iaitu dari kalangan masyarakat kaum Orang Asli untuk mendapatkan data. Bagi mendapatkan data temu bual pula, penyelidik akan menggunakan kaedah temu bual berstruktur. Ini akan dapat membantu untuk menguatkan lagi data-data kajian yang akan diperolehi oleh penyelidik. Dengan menggunakan kaedah kedua-dua kaedah tersebut, penyelidik menjangkakan akan mendapat pelbagai maklumat dari segi data demografi dan seterusnya menjawab ketiga-tiga persoalan kajian yang menjurus kepada keterbukaan keluarga, kekangan yang dihadapi serta sumbangan pihak kerajaan bagi membantu masyarakat Orang Asli dalam bidang PTV.

2.3 Populasi Kajian

Dalam kajian ini, populasi yang dipilih oleh penyelidik adalah terdiri daripada masyarakat Orang Asli di tiga buah kampung dalam Daerah Perak Tengah di Negeri Perak. Jumlah keseluruhan populasi tiga kampung terbabit ialah 704 orang. Menurut Mohamad Najib (1999), jumlah keseluruhan populasi ialah semua ahli di dalam sesuatu kelompok dikenali sebagai populasi. Kadang kala sukar untuk penyelidik melibatkan semua ahli di dalam sesuatu populasi kerana mungkin ia meliputi kawasan yang luas dan membabitkan terlalu ramai responden. Langkah terbaik adalah dengan mengambil sampel daripada sesuatu populasi sebagai responden kajian.

2.4 Sampel Kajian

Penyelidik akan mengambil sampel yang terdiri daripada masyarakat kaum Orang Asli yang mempunyai perbezaan dari segi latar belakang keluarga, pendidikan, jantina, umur dan agama. Sampel terbabit berasal dari tiga buah kampung yang berbeza dalam Daerah Perak Tengah di Negeri Perak yang telah dipilih bagi menjayakan kajian ini. Jumlah keseluruhan sampel ketigatiga kampung tersebut ialah 254 orang. Oleh yang demikian, sampel tersebut akan terlibat dan berperanan sebagai responden bagi mendapatkan data di dalam kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik.

2.5 Instrumen Kajian

Penyelidik menggunakan instrumen borang soal selidik bagi mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Melalui pengedaran borang kaji selidik, ia memudahkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat tertentu daripada responden. Manakala penggunaan soalan temubual berstruktur pula adalah untuk mendapatkan maklumat tambahan atau sokongan untuk menyokong serta memantapkan lagi data kajian. Ini adalah kerana melalui teknik temubual, ia akan dapat menselaraskan segala data-data yang diperolehi agar menjadi lebih lengkap dan baik.

Borang kaji selidik tersebut telah diedarkan kepada masyarakat Orang Asli yang mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza. Bagi kaedah temubual pula, ia telah dijalankan terhadap tiga orang ketua kampung Orang Asli yang terdiri Batin Uda Ro, Batin Panjang Jasmani dan Batin Uda Mat. Ini adalah kerana penyelidik berpendapat dengan mengadakan sesi temu bual bersama individu-individu terbabit, ia dapat memantapkan lagi daptan kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

3.0 DAPATAN KAJIAN

3.1 Analisis Bahagian A : Latar Belakang Responden

Jadual 1: Perincian Borang Soal Selidik yang Dikembalikan oleh Responden kepada Penyelidik

Responden	Jumlah diedarkan	Jumlah dikembalikan	Peratus dikembalikan	Soal selidik dianalisis
Masyarakat Kaum Orang Asli	300 set	153 set	51 %	153 set

3.2 Taburan Responden berdasarkan jantina

Jadual 2 : Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Jantina

Status Perkahwinan	Jumlah Responden	Peratus Responden (%)
Lelaki	105	68.6
Perempuan	48	31.4
Jumlah	153	100

3.3 Taburan Responden berdasarkan Status Perkahwinan

Jadual 3 : Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	Jumlah Responden	Peratus Responden (%)
Berkahwin	109	71.2
Bujang	44	28.8
Jumlah	153	100

3.4 Taburan Responden berdasarkan Umur

Jadual 4 : Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Peringkat Umur

Peringkat umur	Jumlah Responden	Peratus Responden (%)
20 tahun ke bawah	24	15.7
21 tahun – 30 tahun	51	33.3
31 tahun – 40 tahun	31	20.3
41 tahun – 50 tahun	31	20.3
51 tahun ke atas	16	10.5
Jumlah	153	100

3.5 Taburan Responden memilih untuk Menceburi Bidang PTV

Jadual 5 : Bilangan dan Peratusan Responden memilih untuk Menceburi Bidang PTV

Faktor	Jumlah Responden	Peratus Responden (%)
Minat	58	37.9
Dorongan	55	35.9
Tiada Peluang Pekerjaan	16	10.5
Takdir	16	10.5
Lain-lain	8	5.2
Jumlah	153	100

3.6 Taburan Responden berdasarkan Pendapatan Bulanan

Jadual 6 : Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Pendapatan Bulanan

Pendapatan Bulanan	Jumlah Responden	Peratus Responden (%)
RM 300 ke bawah	32	20.9
RM 301 hingga RM 500	38	24.8
RM 501 hingga RM 700	68	44.4
RM 701 hingga RM 900	15	9.8
Jumlah	153	100

3.7 Taburan Responden berdasarkan Bilangan Tanggungan

Jadual 7 : Bilangan dan Peratusan Responden mengikut Bilangan Tanggungan

Bilangan Tanggungan	Jumlah Responden	Peratus Responden (%)
5 Orang	39	25.5
6 Orang	12	7.8
7 Orang	22	14.4
Lain-lain	80	52.3
Jumlah	153	100

3.8 Analisis Bahagian B : Keterbukaan Keluarga

Jadual 8 : Skor Min Setiap Item untuk Keterbukaan Keluarga

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Setuju
7.	Didorong oleh ayah.	4.21	0.758	Tinggi
8.	Didorong oleh ibu.	4.22	0.754	Tinggi
9.	Didorong oleh pakcik.	3.95	0.755	Tinggi
10.	Didorong oleh abang.	4.13	0.723	Tinggi
11.	Didorong oleh kakak.	4.17	0.724	Tinggi
Purata Min Keseluruhan		4.1373		Tinggi

3.9 Analisis Bahagian C : Kemudahan dalam PTV

Jadual 9 : Skor Min Setiap Item untuk Kemudahan dalam PTV

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Setuju
12.	Kelas yang selesa.	4.23	0.506	Tinggi
13.	Makmal yang lengkap.	4.19	0.497	Tinggi
14.	Tenaga pengajar yang berketerampilan.	4.22	0.499	Tinggi
15.	Penginapan disediakan.	4.14	0.514	Tinggi
16.	Kos pembiayaan ditanggung.	4.12	0.530	Tinggi
17.	Pengangkutan disediakan.	4.11	0.533	Tinggi
18.	Kemudahan bersukan dan beriadah.	4.29	0.561	Tinggi
Purata Min Keseluruhan		4.1858		Tinggi

3.10 Analisis Bahagian D : Aktiviti dalam PTV

Jadual 10 : Skor Min Setiap Item untuk Aktiviti dalam PTV

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Setuju
19.	Jumlah pelajar yang tidak terlalu ramai dalam sebuah kelas.	3.92	0.654	Tinggi
20.	Selalu melakukan kerja-kerja amali.	4.12	0.573	Tinggi
21.	Kerja-kerja amali yang dilakukan dipantau oleh penyelia.	4.11	0.545	Tinggi
22.	Tugasan berbentuk individu atau berkumpulan diberikan.	4.07	0.592	Tinggi
23.	Mengadakan lawatan ke pusat-pusat pendidikan teknik dan vokasional.	4.01	0.538	Tinggi
24.	Program bersama dengan pelajar daripada pusat PTV yang lain.	4.04	0.537	Tinggi
Purata Min Keseluruhan		4.0447		Tinggi

3.11 Analisis Bahagian E : Kekangan dalam PTV

Jadual 11 : Skor Min Setiap Item untuk Kekangan dalam PTV

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Setuju
25.	Tidak tahu membaca, menulis dan mengira.	2.63	1.202	Sederhana
26.	Kemahiran sedia ada sudah mencukupi.	2.53	1.058	Sederhana
27.	Tidak ada masa untuk menghadiri kursus.	2.48	0.925	Rendah
28.	Tidak mempunyai peluang untuk menghadiri kursus.	2.85	1.117	Sederhana
29.	Tidak berminat untuk menghadiri kursus.	2.47	0.946	Rendah
30.	Yuran yang dikenakan mahal.	2.97	0.935	Sederhana
31.	Tiada bantuan kewangan yang diberikan untuk menghadiri kursus.	2.83	1.163	Sederhana
32.	Institusi yang menawarkan kursus terlalu	2.95	1.053	Sederhana

	jauh.			
33.	Tidak tahu wujudnya institusi, kursus atau program yang boleh disertai oleh masyarakat Orang Asli.	2.76	1.333	Sederhana
Purata Min Keseluruhan		2.7190		Sederhana

3.12 Analisis Ujian Anova Sehala

Dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 9 Jadual 10 dan Jadual 11.

Jadual 12 : Skor Min Keterbukaan Keluarga antara Tiga Kampung

Kampung	Bil Sampel	Min	Sisihan Piawai
Kg Suak Padi	50	3.9760	0.1546
Kg Gedung Batu	51	4.4980	0.4722
Kg Tumbuh Hangat	52	3.9385	0.9770
Jumlah	153	4.1373	0.6834

Berdasarkan Jadual 9, skor min yang diperolehi daripada analisis telah menunjukkan ketiga-tiga buah kampung iaitu Kampung Suak Padi, Kampung Gedung Batu dan Kampung Tumbuh Hangat sangat menggalakkan anak-anak mahupun ahli keluarga mereka menceburi bidang PTV. Namun yang demikian, Kampung Gedung Batu menunjukkan skor min yang lebih tinggi berbanding dua kampung yang lain.

Jadual 13 : Analisis Anova Sehala

	<i>Sum of Square</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
<i>Between Groups</i>	9.994	2	4.997	12.286	0.000
<i>Within Groups</i>	61.004	151	0.407		
<i>Total</i>	70.998	153	0.545		

Jadual 14 : Tahap Signifikan Keterbukaan Keluarga antara Tiga Kampung

Ujian Post-Hoc	Kampung (I)	Kampung (J)	Signifikan
Tukey HSD	Kg Suak Padi	Kg Gedung Batu	0.000
		Kg Tumbuh Hangat	0.952
	Kg Gedung Batu	Kg Suak Padi	0.000
		Kg Tumbuh Hangat	0.000
	Kg Tumbuh Hangat	Kg Suak Padi	0.952
		Kg Gedung Batu	0.000
Scheffe	Kg Suak Padi	Kg Gedung Batu	0.000
		Kg Tumbuh Hangat	0.957
	Kg Gedung Batu	Kg Suak Padi	0.000
		Kg Tumbuh Hangat	0.000
	Kg Tumbuh Hangat	Kg Suak Padi	0.957
		Kg Gedung Batu	0.000

4.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

4.1 Latar Belakang Responden

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi daripada borang soal selidik, penyelidik mendapati seramai 153 responden telah menjawab dan mengembalikan borang soal selidik tersebut. Borang tersebut telah diberi secara rawak kepada responden. Kaum lelaki lebih ramai menjawap borang soal selidik tersebut dengan jumlah 68.6 % manakala kaum wanita adalah sebanyak 31.4 %. Ini adalah kerana rata-rata kaum lelaki daripada kalangan masyarakat Orang Asli bertindak sebagai ketua keluarga yang menyara dan memberi nafkah kepada keluarga masing-masing. Namun yang demikian, penglibatan kaum wanita juga amat membanggakan kerana turut terlibat untuk membantu bagi meningkatkan pendapatan keluarga. Justeru itu, peningkatan kaum wanita menceburि bidang PTV dapat menambahkan persaingan sihat untuk merebut peluang yang ditawarkan dalam bidang PTV dengan kaum lelaki (Stedham, 2004).

Selain daripada itu, penyelidik turut melihat kepada pendapatan bulanan masyarakat Orang Asli. Sebanyak 20.9 % adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan RM300 ke bawah. Bagi mereka yang berpendapatan bulanan di antara RM301 hingga RM500 pula, hasil analisis yang diperolehi adalah sebanyak 24.8 %. RM501 hingga RM700 mencatatkan bacaan tertinggi iaitu sebanyak 44.4 % manakala mereka yang berpendapatan bulanan sebanyak RM700 hingga RM900 adalah sebanyak 9.8 %. Ini menunjukkan majoriti penduduk di sesuatu tempat masih hidup di bawah paras kemiskinan (Muhyiddin Yassin, 2005). Justeru itu, kehidupan masyarakat Orang Asli telah dihimpit oleh taraf kehidupan yang semakin meningkat.

4.2 Keterbukaan Keluarga

Penyelidik berpendapat penduduk Kampung Gedung Batu telah mempunyai kesedaran yang kuat berkaitan dengan kepentingan PTV pada masa kini. Justeru itu, faktor tersebut telah menjurus mereka untuk memberikan dorongan dan semangat yang kuat kepada ahli keluarga untuk berkecimpung di dalam bidang tersebut. Oleh yang demikian, secara tidak langsung penyelidik menolak hipotesis null dan menerima hipotesis alternatif kajian iaitu terdapat perbezaan keterbukaan yang signifikan di antara keluarga dari tiga buah kampung yang berbeza dalam Daerah Perak Tengah untuk menggalakkan anak-anak atau ahli keluarga mereka menceburি bidang PTV.

4.3 Kemudahan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)

Menurut Zainal Abidin dan Mohd Rafiki dalam Sahlina (2007), hasrat kerajaan ialah mengadakan aktiviti yang boleh dijadikan satu amalan dan cita-cita kepada setiap lapisan masyarakat. Ia dapat mewujudkan satu persefahaman yang kental dan kuat dengan menyertai pelbagai program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Selain itu, usaha yang telah dilaksanakan itu amat baik dalam menyatupadukan penduduk di perkampungan itu yang terletak di kawasan pedalaman dengan mengadakan pelbagai pertandingan dan sukaneka. Oleh yang demikian, kemudahan bersukan ini sememangnya wajar untuk diberikan kepada mereka yang mengikuti kursus mahupun program-program PTV.

4.4 Aktiviti dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)

Bahagian aktiviti dalam PTV ini adalah merupakan salah satu daripada bahagian yang difikirkan penting oleh penyelidik. Dapatan kajian pada bahagian ini akan digunakan untuk menyokong

persoalan kajian yang pertama iaitu sejauh manakah kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam menyediakan kemudahan bagi membantu masyarakat kaum Orang Asli di dalam PTV. Ini adalah kerana segala aktiviti yang dilakukan adalah bergantung kepada segala kemudahan yang ada.

Hasil penyelidikan menyokong peranan pembelajaran secara kontekstual dalam pendidikan akademik dan vokasional. Pembelajaran akan lebih berkesan jika pelajar didedahkan kepada suasana yang sebenar di mana pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dapat diaplikasikan secara praktikal (Billett, 1993). Justeru itu, kebolehan pelajar mengaplikasikan pengetahuan sedia ada mereka dengan situasi sebenar dalam kerjaya yang akan mereka ceburi merupakan aset utama yang mereka peroleh hasil daripada pembelajaran secara kontekstual (Roziah dan Halimah, 2003).

4.5 Kekangan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)

Bahagian terakhir ini digunakan untuk mengetahui kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli untuk menceburi bidang PTV. Terdapat sembilan item yang dilihat oleh penyelidik. Nilai purata min keseluruhan bahagian ini adalah berada pada tahap yang sederhana iaitu 2.7190. Penyelidik berpendapat terdapat beberapa perkara yang boleh diperbaiki atau dilakukan penambahbaikan supaya masyarakat Orang asli tidak ketinggalan dalam bidang PTV ini.

Menurut Batin Panjang Jasmani iaitu ketua Kampung Tumbuh Hangat, program atau kursus-kursus pendek yang dianjurkan oleh JHEOA kebiasaannya dibiayai oleh JHEOA sendiri. Menurut Muhyiddin, (2007) pihak kerajaan akan memperkembangkan beberapa skim bantuan bagi membolehkan sekurang-kurangnya setiap Unit Peladang di negara ini mempunyai jentera sendiri bagi meningkatkan keupayaan membangunkan tanah dengan cepat dan berkesan.

Selain itu, masyarakat yang terbabit dalam pengeluaran tanaman seperti serai, serai wangi dan nanas, selain tanaman kelapa sawit adalah digalakkan supaya menceburi industri hiliran seperti mengeluarkan ekstrak minyak daripada serai seperti bahan campuran untuk produk seperti minyak aromaterapi, sabun dan wangian (Muhyiddin, 2007). Di sini jelas menunjukkan pihak kerajaan benar-benar ingin membantu golongan petani ataupun yang berpendapatan rendah untuk memajukan diri dan keluarga mereka.

Oleh yang demikian, berdasarkan daripada dapatan kajian, jelas menunjukkan masyarakat atau golongan belia Orang Asli di ketiga-tiga buah kampung iaitu Kampung Suak Padi, Kampung Tumbuh Hangat dan Kampung Gedung Batu amat berminat untuk menceburi bidang PTV. Justeru itu, mereka amat mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin membantu dan memberikan khidmat dalam apa jua bentuk sumbangan untuk memastikan mereka tidak ketinggalan bagi mengejar arus kemodenan yang semakin mencabar ini.

4.6 Rumusan

Hasil dapatan yang telah dianalisis menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli di Daerah Perak Tengah memang berminat dengan bidang PTV. Justeru itu, dengan adanya kemudahan dalam bidang PTV yang sempurna dan terkini, tambahan pula dengan sokongan dan dorongan keluarga yang kuat maka sudah pasti golongan belia daripada masyarakat Orang Asli Daerah Perak Tengah akan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja sama ada tenaga mahir mahu pun separa mahir dalam pelbagai sektor terutamanya sektor perindustrian di negara kita.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Talib Bon (2003). "Kenali Kami Masyarakat Orang Asli Di Malaysia", Cetakan Pertama, Batu Pahat, Johor. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. 1 – 11.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid (1996). "Sempena Lawatan Ke Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHOEA)". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada www.pmo.gov.my.
- Ahmad Naim Tahir. "Tentera Darat Bersama Orang Asli Kembalikan Nostalgia". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada www.bharian.com.my.
- "Bahagian Pembangunan Sosioekonomi (2004)". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada www.jheoa.gov.my.
- Benjons (2006). "Penguasaan Terhadap Hasil Bumi Kita". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada benjons99@yahoo.com.
- Bhasah Abu Bakar (2003). "Asas Pengukuran Bilik Darjah." Tanjong Malim: Quantum Books.
- Chua Yan Piaw (2006). "Asas Statistik Penyelidikan". Cetakan Pertama, Malaysia. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. 110 – 157.
- Dalen, V. (1979). Memahami Penyelidikan Pendidikan. Terjemahan Abdul Fatah Malik, et al. Serdang. Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ishak Muhamad (2007). "Pembangunan Orang Asli ditangan Batin". Dirujuk pada Januari 13, 2007, daripada www.bharian.com.my.
- Ismail Zain (2002). "Tujuh Strategi Pemantauan Pembelajaran untuk Ibu Bapa". Cetakan Kedua. Cheras, Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 1 - 10
- Khair Mohd. Yusoff. (2003). "Improving Teaching and Learning – Let's REACT". Jurnal Pendidikan Teknikal, Jilid 2. Bil.1. Jabatan Pendidikan Teknikal. Kementerian Pendidikan Teknikal.
- Kramlee Mustapa, Ruhizan Mohd Yasin dan Hamdan Mohd Ali (2003). Intergrasi Akademik dan Vokasonal : Rasional dan Cabaran. Jurnal Pendidikan Teknikal, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. pg. 77-90. 28
- Mahathir Mohamad (2003). "Memodenkan Sektor Pertanian". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada www.utusan.com.my.
- Maznah Mohamad dan Wong Soak Koon (2001). "Risking Malaysia : Culture, Politics and Identity", Cetakan Pertama, Shah Alam, Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia. 98 - 102

- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan", Cetakan Pertama, Skudai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia. 37 - 44.
- Mohd. Ali Samsudin, Ahmad Nurulazam Md. Zain dan Zurida Ismail (2003). "Kesan Pengajaran Kontekstual Terhadap Pencapaian Pelajar dan Motivasi Pelajar dalam Mata Pelajaran Fizik Tingkatan 4" Jurnal Pendidikan Teknikal, Jilid 2. Bil.2. Jabatan Pendidikan Teknikal. Kementerian Pendidikan Teknikal.
- Mohd. Majid Konting (2004). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan", Cetakan Keenam, Ampang, Selangor. Dewan Bahasa Dan Pustaka. 57 – 150.
- Mohd. Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff (1986). "Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia", Cetakan Kedua, Ampang, Selangor. Dewan Bahasa dan Pustaka. 331 – 346.
- Muhyiddin Yassin (2007). "Skim Bantuan Peladang Diperluas". Dirujuk pada Mac 25, 2007, daripada www.bharian.com.my.
- Noor Sedek Ismail (2004). "Mengubah Pandangan Orang Asli Terhadap Pendidikan". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada www.utusan.com.my.
- Osman Bongsu (2004). "Mengubah Pandangan Orang Asli Terhadap Pendidikan". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada www.utusan.com.my.
- Roziah binti Abdullah & Halimah binti Badioze Zaman (2003) "Pembangunan Perisian Multimedia bagi Kemahiran Berfikir dalam Mata Pelajaran Kimia Satu Pendekatan Konstruktivisme – Kontekstual". Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sabitha Marican (2005). "Kaedah Penyelidikan Sains Sosial", Cetakan Pertama, Petaling Jaya, Selangor. Prentice Hall. 91 – 118.
- Siti Fatimah Abdul Rahman (1999). "Interaksi Bermakna : Masa Berkualiti Bersama Keluarga". Cetakan Pertama, Kuala Lumpur. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). 75 - 112
- Stedham, Y. E. & Yamamura, J. H., (2004). *Measuring National Culture : Does Gender Matter*. Emerald Education Journal. pg. 223-243. 19 (5)
- Suzila Yusof (2005). "Penerimaan Ibu Bapa Terhadap Pelaksanaan Program MPV di Sekolah Menengah Akademik Harian Negeri Terengganu". Tidak Diterbitkan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Tadashi Fukutake (1985). "Masyarakat Luar Bandar Di Jepun", Cetakan Pertama, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. 1 – 16.
- Wijnen B., V. (2006). "Orang Asli". Dirujuk pada Ogos 20, 2006, daripada www.magicriver.net.
- "Zaharah's Journey (Past, Present, Future)". Dirujuk pada September 15, 2006, daripada chuifa.easyjournal.com.